

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @  
WONG NYUK FOH [  
SANDAKAN ]**

**NO. SOALAN : 63**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan semua projek-projek yang telah diluluskan serta dilaksanakan oleh Kementerian dari tahun 2010 hingga 2016 dengan butiran yang terperinci mengikut pecahan jumlah pembelanjaan projek, syarikat kontraktor, tempat dan negeri khususnya negeri Sabah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah diperuntukan sejumlah RM4.99 billion bermula dari tahun 2010 sehingga 2016 untuk melaksanakan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Jalan Luar Bandar (JALB) diseluruh negeri Sabah.

Khusus bagi projek BELB, sejumlah RM2.96 billion telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak 41 buah projek yang memberi manfaat kepada 27,032 buah rumah diseluruh Sabah.

Bagi projek BALB pula, sejumlah RM2.03 billion telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak 186 buah projek yang memberi manfaat kepada 113,749 buah rumah diseluruh Sabah.

Manakala, bagi projek JALB pula, sejumlah RM2.93 billion telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak 219 buah projek. Sebanyak RM 277.52 juta dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan RM47.50 juta dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Ameniti Sosial (PAMS).